

Segera tubuh suruhanjaya siasatan

Bagi mengenal pasti punca runtuh tanah di tapak perkhemahan

100 individu terjejas dan seramai 18 orang terkorban selepas tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di tiga tapak perkhemahan dekat Jalan Batang Kali - Gohtong Jaya, Selangor.

Meenakshi berkata lagi, pihak berkuasa perlu menjalankan moratorium ke atas semua pembangunan cerun bukit sehingga semakan menyeluruh mengenai daya tahan kawasan tersebut terhadap peningkatan intensiti dan kekerapan hujan akibat perubahan iklim dijalankan.

"Kerajaan mesti mempercepatkan Pelan Adaptasi Nasional untuk mengenalpasti kawasan terdedah dan berisiko tinggi terhadap kesan iklim serta mengambil langkah segera untuk membina daya tahan iklim.

"Perubahan iklim ketika ini tidak dapat dijangka dan disebabkan itu, adalah tidak sesuai untuk membenarkan aktiviti di lereng bukit kepada orang ra-

TRAGEDI TANAH RUNTUH TERBURUK DALAM SEJARAH NEGARA

Terdapat beberapa insiden tanah runtuh yang meragut nyawa dan membahayakan penduduk pernah menggegarkan negara suatu ketika dahulu.

11 Disember 1993

- Tragedi Highland Towers, Ampang disebabkan runtuh tanah mengakibatkan satu daripada tiga blok kondominium di Taman Hillview, Ulu Klang, Selangor roboh pada 11 Disember 1993.
- Ia merupakan tragedi bangunan runtuh yang pertama dan terburuk apabila seramai 48 orang terkorban yang kebanyakannya ialah rakyat Malaysia dan 12 warga asing dari Britain, Jepun, India, Korea, Filipina dan Indonesia.

21 Mei 2011

- Tragedi tanah runtuh menyayat hati di Hulu Langat berlaku di sebuah premis Jalan Sungai Semunggis, Kampung Gahal, Selangor meragut kira-kira 25 nyawa penghuni Rumah Anak-Anak Yatim dan Anak-Anak Hidayah Madrasah Al-Taqwa.
- Kesemua mangsa terkorban dipercayai terperangkap di belakang asrama selepas hujan lebat.

31 Mei 2006

- Empat sekeluarga terkorban setelah tertimbus dalam runtuh tanah yang



GEORGETOWN



Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa agar pihak berkuasa menubuhkan suruhanjaya siasatan menyiasat punca kejadian tanah runtuh di Father's Organic Farm, Gohtong Jaya, Batang Kali, Hulu Selangor.

Suruhanjaya siasatan itu juga dilihat amat perlu untuk melaksanakan langkah pencegahan dan pemulihan.

Presidennya, Meenakshi Raman berkata, SAM sebelum ini memberi amaran berhubung kerja tanah dan aktiviti lain di kawasan tanah

aktiviti lain di kawasan tanah tinggi serta lereng bukit yang mana, kesemua lokasi tersebut adalah kawasan sensitif alam sekitar.

“Punca punca tragedi itu mesti disiasat dan didedahkan secara terbuka. Antara isu yang perlu pihak berkuasa siasat adalah bagaimana tapak perkhemahan dibenarkan di kawasan berbukit dan beberapa perkara berkaitan.

“Gambar yang diambil menunjukkan keruntuhan cerun tinggi telah berlaku di bawah lebuh raya yang mana, ia juga berhampiran dengan tapak perkhemahan tersebut. Kita mahu tahu, apa punca kejadian tanah runtuh ini berlaku?” maklumnya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Sekat jam 4 petang Jumaat, hampir



MEENAKSHI

mai,” katanya.

Beliau turut menggesa agar pihak bertanggungjawab ke atas kematian mangsa dalam tragedi tanah runtuh di Batang Kali perlu dibawa ke muka pengadilan.

Senada dengan SAM, Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) Selangor menyatakan suruhanjaya siasatan perlu dilakukan berikutan ia bencana alam yang telah pun diduga.

“Musibah ini perlu dihadapi bersama dan Muda Selangor dan kerajaan serta agensi berkaitan terus berusaha dalam misi pencarian mangsa yang dikhuatiri masih tertimbus.

“Sesungguhnya, kejadian ini merupakan bencana alam akibat perubahan cuaca iklim dunia yang ketara,” maklum Muda Selangor dalam kenyataan.



Keadaan tanah runtuh berhampiran tapak perkhemahan di Father's Organic Farm, Batang Kali, Hulu Selangor pada Jumaat.

memusnahkan 49 buah rumah di Kampung Pasir, Hulu Klang pada jam 4.45 petang.

6 Disember 2008

- Sebanyak empat nyawa terkorban lingkungan umur 20 hingga 40 tahun sementara 15 yang lain cedera di samping 14 buah rumah banglo ranap dalam tragedi tanah runtuh di Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Utama.



12 TRAGEDI TANAH RUNTUH MERAGUT NYAWA DALAM TEMPOH DUA TAHUN

Negara mencatatkan kira-kira 12 tragedi tanah runtuh yang meragut nyawa dalam tempoh dua tahun bermula Januari 2021 sehingga kejadian terbaru, runtuhan cerun di Batang Kali, pada Jumaat. Berikut beberapa kejadian tanah runtuh yang berlaku;

TAHUN 2021:

4 Januari - Seorang lelaki warga Bangladesh yang bekerja di kebun sayur, dipercayai tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Lojing, Gua Musang, Kelantan selepas disedari hilang oleh majikannya kerana tidak pulang ke bangsal penginapan.

17 Julai - Kejadian tanah runtuh di Jalan Haji Baki, Kuching, Sarawak mengakibatkan seorang lelaki maut apabila kenderaan yang dipandu terjatuh ke dalam runtuhan tanah pada 12.30 tengah malam.

18 Ogos - Enam maut dalam kejadian tanah runtuh pada lereng Gunung Jerai, Kedah dipercayai berlaku ekoran fenomena kepala air yang mengakibatkan banjir teruk.

15 September - Hujan lebat berterusan menyebabkan beberapa kejadian tanah runtuh dan banjir di sekitar Penampang mengakibatkan seorang wanita dan seorang kanak-kanak perempuan maut di Forest Hill.

16 September - Seorang wanita tempatan maut akibat tertimbus dalam insiden tanah runtuh yang melanda rumahnya di Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang.

2 Disember - Dua kenderaan tertimbus

di mana seorang pemandu sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) dan pemandu lori disahkan maut dalam kejadian tanah runtuh di Jalan Simpang Pulau - Blue Valley, Ipoh.

15 Disember - Seorang lelaki maut akibat tertimbus dalam runtuhan tanah ketika melombong emas di Kampung Air Sejuk, Kuala Terengganu.

TAHUN 2022:

11 Mac - Kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang telah menyebabkan tiga daripada empat mangsa terkorban akibat tertimbus pada kedalaman lebih satu meter.

26 Mac - Pemandu jentolak maut akibat tertimbus tanah ketika melakukan kerja meratakan tapak bagi pembinaan rumah penduduk berdekatan Sekolah Kebangsaan Ulu Tawar, Baling.

27 Julai - Dua kanak-kanak berusia 2 dan 11 tahun maut, manakala dua lagi cedera akibat tertimbus apabila runtuhan tanah menghempap rumah didiami satu keluarga di Jalan Bukit Nenas, Kota Kinabalu, Sabah.

26 November - Seorang pemandu jengkaut maut selepas tertimbus dalam runtuhan tanah ketika sedang menjalankan kerja mengorek tanah di Blue Valley dekat Kampung Raja, Cameron Highlands.